



## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK

### KURSUS ASAS PENANAMAN ORKID



3 Ogos 2019 (Sabtu)

#### Penceramah:

Dr. Latifah Omar

#### Fasilitator :

Encik Sat Maling

#### Anjuran:

Taman Pertanian Universiti (TPU)  
Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu Sarawak

#### Pertanyaan:

Tel: 086-855667 (En. Mohamad Nasri)  
Hp: 019-8145824 (En. Dennis)  
011-18847127 (En. Khalid)  
019-8483337 (Pn. Suzalin)  
Fax: 086-855283

Website: [www.btu.upm.edu.my](http://www.btu.upm.edu.my)

## ORKID

### Pengenalan

Orkid merupakan produk florikultur yang berupaya mendatangkan pendapatan lumayan kepada pengeluar orkid dan penyumbang utama kepada industri pengeluaran bunga segar Malaysia serta mempunyai pasaran yang baik dan menguntungkan. Eksport orkid merupakan komoditi yang penting di Malaysia dengan nilai pengeluaran jutaan ringgit.

Bunga keratan orkid amat laris dalam kedua-dua pasaran tempatan dan antarabangsa, manakala pokok pasuan lebih banyak dipasarkan untuk kegunaan domestik sebagai hiasan dalaman di hotel, restoran dan juga di rumah.

Tanaman ini amat popular ditanam oleh penggemar flora di Malaysia kerana saiz, struktur dan warna bunga yang pelbagai yang menarik.

Kebanyakan orkid yang mendapat permintaan ramai ialah orkid hibrid. Ini kerana faktor seperti warna, bunga, pokok tahan lasak, harga murah berbanding orkid liar, saiz bunga lebih besar dan sesuai untuk dijadikan jualan keratan bunga.

Terdapat beberapa jenis genus orkid yang popular ditanam di nurseri-nurseri di dalam kuantiti yang amat besar kerana mendapat permintaan tinggi di pasaran Malaysia seperti Dendrobium, Phalaenopsis, Arachnis, Vanda, Cattleya dan Oncidium.

## OBJEKTIF KURSUS

1. Mendedahkan peserta kepada ilmu mengenai asas penanaman orkid seperti pemilihan dan penyediaan media dan bahan asas semaian seperti habuk kayu, tanah bakar/batu bata, arang dan lain-lain.
2. Mempelajari jenis-jenis pembiakan yang biasa dilakukan terutama untuk menghasilkan anak orkid secara komersial.
3. Mempelajari teknik dan pemilihan pasu yang sesuai untuk jenis-jenis orkid.
4. Melakukan pemasangan semula orkid dengan teknik yang betul.
5. Mempelajari penyelenggaraan tanaman orkid sama ada di nurseri atau di ladang.

## OUTCOME KURSUS

1. Peserta dapat mempelajari ilmu asas dalam penanaman orkid dan mempraktikkannya sendiri di rumah, nurseri dan sebagainya.
2. Peserta dapat menjalankan pembiakan orkid dengan sendiri di nurseri secara komersial.
3. Mempelajari ilmu asas dalam menghasilkan anak orkid menggunakan kaedah tisu kultur.
4. Mempraktikan penggunaan pasu yang bersesuaian dengan jenis dan spesies orkid.